

24 NOV 2000

Asean-Internet

PARA PEMIMPIN TANDATANGAN PERJANJIAN KERANGKA KERJA E-ASEAN

SINGAPURA, 24 Nov (Bernama) -- Para pemimpin dari kesemua 10 negara anggota Asean hari ini menandatangani satu perjanjian kerangka kerja e-Asean untuk menggerakkan perdagangan elektronik dan sektor teknologi komunikasi maklumat (ICT) di Asia Tenggara.

Perjanjian kerangka kerja itu, yang menjurus kepada penubuhan sebuah infrastruktur maklumat Asean, pemetongan tarif dalam industri ICT dan untuk mengurangkan jurang perbezaan digital di antara negara anggota, merupakan peristiwa penting pada sidang kemuncak tidak rasmi Asean keempat yang bermula di sini hari ini.

Para pemimpin yang menandatangani perjanjian itu ialah Sultan Hassanah Bolkiah dari Brunei, Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid, Presiden Filipina Joseph Estrada dan perdana menteri negara anggota lain, Hun Sen (Kemboja), Sisavath Keobounpanth (Laos), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (Malaysia), Than Shwe (Myanmar), Goh Chok Tong (Singapura), Chuan Leekpai (Thailand) dan Phan Van Kai (Vietnam).

Ketua-ketua kerajaan itu masing-masing menggunakan kad pintar dan sebuah komputer bimbit untuk menandatangani perjanjian itu secara digital.

Pasukan petugas e-Asean itu diketuai Roberto Romulo dari Filipina.

Goh berkata negara-negara anggota Asean yang lebih maju akan membantu Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam untuk membangunkan keupayaan sumber manusia mereka dalam teknologi maklumat (IT).

"Para pemimpin membincangkan mengenai perlunya penduduk Asean menguasai bahasa Inggeris kerana mereka tidak akan dapat menggunakan IT dan meraih manfaat daripada ekonomi baru jika mereka tidak dapat menguasai bahasa berkenaan," kata Goh.

Langkah untuk merapatkan jurang perbezaan digital merupakan satu tugas besar bagi Asean. Jumlah pengguna Internet di lima negara Asean, Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Singapura dianggarkan hanya 3.74 juta atau satu peratus daripada jumlah penduduk di negara terbabit.

Antara inisiatif yang dicadangkan ialah supaya lebih banyak pertukaran dibuat antara negara anggota untuk mewujudkan masyarakat elektronik menerusi pendidikan.

Ia juga memerlukan, antara lain, setiap negara anggota supaya membuka dengan serta merta produk ICT mereka kepada pelaburan oleh pelabur Asean.

Negara anggota akan mengurangkan duti dan sekatan bukan tarif pada perdagangan antara Asean bagi produk ICT Asean dalam tiga peringkat pada 1 Jan 2003, 2004 dan 2005.

Tarikh akhir itu ditunda bagi Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam kepada 1 Januari 2008, 2009 dan 2010.

Romulo berkata sebuah forum perniagaan e-Asean akan diadakan di sini pada Februari tahun depan untuk membolehkan masyarakat perniagaan memahami dengan lebih lanjut mengenai inisiatif itu.

-- BERNAMA

ARA MAD TCL AKD